

**Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil Membentuk Modal Insan Dalam Novel Mereka Yang Tertewas**

*The Principle of Apostleship as a Perfect Human Being in Forming Human Capital in the novel Mereka yang Tertewas*

Zaidi Ahmad<sup>1</sup>

albukhari\_71@yahoo.com.my

Azhar Wahid<sup>2</sup>

azhar@fbk.upsi.edu.my

A. Halim Ali<sup>3</sup>

halim.ali@fbk.upsi.edu.my

<sup>1,2,3</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak

Received: 10 September 2022; Published: 2 December 2022

Cite this article (APA) as:

Ahmad, Z., Wahid, A., & Ali, A. H. (2022). Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil Membentuk Modal Insan dalam Novel Mereka yang Tertewas. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10(2), 15 - 33. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/162>

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan mengenal pasti peranan watak utama dalam novel *Mereka yang Tertewas* karya Hasanuddin Md Isa sebagai medium ke arah pembentukan modal insan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini menggunakan prinsip kedua teori *Takmilah*, iaitu prinsip kerasulan sebagai insan Kamil dengan memberikan tumpuan khusus kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku terhadap watak utama dalam novel *Mereka yang Tertewas* yang dapat menjadi pemangkin ke arah pembentukan modal insan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap-sikap terpuji watak utama di samping peristiwa-peristiwa dalam novel yang dikaji sememangnya wajar dicontohi kerana ianya memandu khalayak ke arah pembentukan modal insan. Sifat-sifat watak yang bijak dalam memimpin keluarga dan masyarakat, bertakwa dan beriman adalah selaras dengan makna insan khalifah dan insan Rabbani. Kesimpulannya, kajian ini berjaya membuktikan bahawa watak utama novel yang dikaji dapat dijadikan sebagai contoh ke arah pembentukan modal insan dalam kalangan masyarakat.

Kata kunci: Insan Kamil, modal insan, peranan, sikap terpuji

### ABSTRACT

*This research aimed to analyze and identify the role of the novel 'Mereka yang Tertewas' by Hasanuddin Md Isa as a medium for the formation of virtuous human capital. This research was conducted using the methods of library research and text analysis. This study applied the second principle of Takmilah theory which is the principle of apostleship as a perfect human*

*being by concentrating on the events that occurred to the main characters in the novel 'Mereka yang Tertewas', which can serve as a catalyst for the formation of human capital. The findings of this research prove that the admirable attitudes of the main characters and the events in Mereka yang Tertewas are worth emulating because they drive the audience toward the formation of human capital. The qualities of a wise character in leading the family and community, piety, and faith are consistent with the meaning of a caliph and a Rabbani person. In conclusion, this research successfully proves that the main character can be used as an example of human capital formation in society.*

*Keywords: perfect human being, human capital, role, admirable attitudes*

## **PENGENALAN**

Nabi Muhammad SAW merupakan utusan Allah SWT dan diutuskan untuk membimbing manusia ke jalan yang benar, mengajak manusia agar berserah diri sepenuhnya kepada Allah SWT serta tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu yang lain. Nabi Muhammad SAW merupakan seorang nabi dan juga seorang rasul. Baginda memiliki akhlak dan sifat-sifat yang sangat mulia terhadap sesama manusia, terutamanya terhadap umat baginda. Oleh sebab itu, baginda disebut sebagai manusia yang memiliki akhlak yang paling agung. Firman Allah SWT dalam surah *Al-Ahzab* ayat 21 yang bermaksud, “*Sesungguhnya, telah ada pada diri Rasulullah SAW itu teladan yang baik bagimu, iaitu bagi orang yang mengharapkan rahmat Allah dan (kedatangan) hari kiamat serta yang banyak menyebut Allah*” (Ahmad Yani Abdul Manaf, 2014: 420).

Kedatangan Islam ke dunia Melayu telah menjadi titik tolak kepada berlakunya perubahan dari pelbagai aspek kehidupan orang Melayu. Menurut Ismail Hamid (1987), Kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu telah memberi sumbangan yang amat besar terhadap perkembangan intelektualisme dalam kalangan orang-orang Melayu. Islam telah memperkenalkan berbagai-bagai disiplin keilmuan kepada orang Melayu seperti teologi, falsafah, ilmu mistik, logik, perundangan dan sebagainya.

Perkembangan dan penyebaran agama Islam telah mengubah masyarakat di alam Melayu ke arah ketamadunan. Menurut Zulkiflee Haron *et al.* (2011: 114) Perubahan dan kesan yang dibawa oleh Islam adalah menyeluruh sehingga mencakup seluruh dimensi dan cabang kehidupan. Perubahan-perubahan tersebut adalah perubahan dari aspek kepercayaan, politik, undang-undang, ilmu dan pendidikan, ekonomi, bahasa dan kesusasteraan, sosial dan kemasyarakatan serta budaya dan kesenian. Kedatangan Islam ke Nusantara juga telah membangkitkan kesedaran tentang kesusasteraan Islam sejak awal tahun 1970-an. Seminar Sastera Islam yang diadakan di Terengganu pada tahun 1973 merupakan titik tolak kepada perkembangan sastera serta permulaan kepada penghasilan karya sastera Islam serta menjadi pemangkin kepada munculnya teori sastera Islam. Kemunculan teori-teori Islam telah berjaya mengubah pandangan dalam menilai kebudayaan, bahasa dan kesusasteraan Melayu yang selama ini terlalu menurut acuan dan kaca mata Barat yang langsung mengabaikan peranan Islam.

Teori sastera Islam muncul akibat daripada timbulnya kesedaran dalam kalangan para pengkarya Melayu tanah air. Selain itu, teori sastera Islam wujud serta menjadi pilihan pengkarya yang selama ini telah menjadikan teori-teori Barat panduan. Salah satu teori Islam yang muncul ialah teori Takmilah. Teori *Takmilah* merupakan sebuah teori yang mengesakan Allah SWT. Teori ini telah dijana oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1993. Menurut Abdul Halim Ali (2011),

Teori ini dianggap satu-satunya teori sastra Islam di Malaysia yang memberi penekanan analisis dan kritikan berdasarkan secara langsung kepada konsep tauhid. Kemunculan teori ini telah membuka jalan alternatif kepada para sarjana dan pengkritik untuk melakukan kajian, analisis, ulasan dan kritikan berasaskan prinsip-prinsip keIslaman.

(Abdul Halim Ali, 2011: 84)

Shafie Abu Bakar telah memperhalus dan memperjelaskan teori *Takmilah* dengan lebih terperinci, iaitu dengan mengutarakan tujuh prinsip utama teori *Takmilah*. Shafie Abu Bakar telah membahagikan teori ini kepada tujuh prinsip utama. Prinsip kedua teori *Takmilah*, iaitu prinsip kerasulan sebagai insan Kamil telah menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai model kepada seluruh umat manusia ke arah pembentukan dan pembangunan modal insan. Pembangunan modal insan dapat dilihat dari sudut ilmu, iaitu bagaimana kepentingan ilmu dalam memartabatkan diri setiap insan.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pembangunan modal insan merupakan komponen utama dalam kerangka untuk membina atau menggerakkan sesebuah masyarakat yang maju dan produktif serta diredai Allah SWT. Membina serta membangunkan sesebuah masyarakat yang sejahtera merupakan persoalan yang penting dalam membangunkan dan memajukan sesebuah negara. Pembangunan modal insan yang berkualiti amat diperlukan demi menjamin perkembangan dan kemajuan sesebuah negara. Mohd Arifin Ghazali (2007: 288) mentakrifkan modal insan sebagai sumber manusia yang akan menyumbangkan bakti apabila bekerja atau mendapat pekerjaan nanti. Pendek kata, modal insan merupakan tenaga manusia yang akan menentukan gagal jayanya sesuatu perancangan untuk mencapai sesuatu matlamat.

Pembangunan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek amat penting. Modal insan yang seimbang mampu memberikan sumbangan terhadap pembangunan dan kemajuan negara. Dalam konteks negara Malaysia, insan seutuhnya yang ingin dibina, dibangunkan serta dilahirkan seterusnya menzahirkan dirinya sebagai insan seimbang dari segala aspek hidup dan kehidupannya merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelegnya (Zaidi Ahmad, *et al*, 2020: 18).

Namun begitu, hal ini hanya boleh dicapai sekiranya masyarakat sesebuah negara itu mampu mengamalkan pendidikan sepanjang hayat serta patuh kepada perintah Allah SWT. Menurut Azhar Wahid & Zawawi Jahya (2009: vii), dalam konteks negara kita, insan seutuhnya yang ingin dibina, dibangunkan serta dilahirkan seharusnya menzahirkan dirinya sebagai insan seimbang dari segala aspek hidup dan kehidupannya merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelegnya.

Generasi muda merupakan aset yang amat berharga kepada negara kerana golongan inilah yang akan mewarisi negara pada masa hadapan. Oleh itu, generasi ini perlu dididik dan dibentuk agar memiliki peribadi yang terpuji, berakhlak mulia serta memiliki ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang. Menurut Nur'ainy Ali dipetik dalam Jelani Harun (2004: 30), generasi muda sebagai generasi penerus harus dibentuk supaya mempunyai akhlak yang mulia selain berilmu. Namun begitu, kini timbul pelbagai fenomena yang boleh menyebabkan berlakunya keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja di negara ini. Keadaan inilah yang menyebabkan masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja sering menjadi tajuk perbincangan yang hangat. Menurut Che Zuina Ismail (2009),

Masalah keruntuhan akhlak menjadi tajuk perbincangan yang cukup hangat kebelakangan ini. Akhbar-akhbar tempatan tidak putus-putus mencatatkan rekod pelakuan manusia yang mencerminkan keruntuhan dan kebangkrapan moral mereka terutama di kalangan remaja sampailah kepada orang dewasa.

(Che Zuina Ismail, 2009: 58)

Dalam era globalisasi atau dunia tanpa sempadan ini sudah pastinya sukar untuk mengelak generasi muda daripada menerima pengaruh-pengaruh dari luar. Pengaruh-pengaruh luar dapat meresap masuk ke sesebuah negara melalui pelbagai cara dan media yang ada pada masa kini. Antara pengaruh yang meresap masuk adalah pengaruh negatif dari Barat. Ini kerana pengaruh dan cengkaman Barat dalam pelbagai bidang terutamanya yang berbentuk hiburan pasti akan mempengaruhi dan seterusnya membentuk sikap serta tingkah laku rakyat sesebuah negara khususnya golongan remaja yang sentiasa mencari perubahan terutamanya perubahan dari segi hiburan. Menurut Ismail Abdullah (2009: 259), daripada bidang seni lukis, seni grafik, fotografi, percetakan sehinggalah kepada seni muzik, seni bina, seni teater, fesyen, pengiklanan, automotif dan sebagainya telah menggunakan ukuran dan cita rasa Barat yang wujud di mana-mana. Budaya Barat amat bertentangan dengan norma dan nilai-nilai yang bertunjangkan agama.

Kemajuan yang dicapai dalam bidang seni budaya telah merintis jalan ke arah pembentukan budaya pinggiran di negara ini. Budaya pinggiran yang terbentuk hasil daripada kemajuan seni budaya ini telah menyebabkan berlakunya keruntuhan akhlak golongan remaja. Menurut Ismail Abdullah (2009) di sebalik kemajuan seni budaya yang ingin dibentuk atau dihasilkan oleh seniman dan budayawan, khalayak juga berdepan dengan budaya pinggiran atau sampingan. Budaya ini tidak selari dengan budaya tempatan serta tidak mempunyai tanda-tanda ketamadunan bangsa yang utuh sebaliknya menggambarkan pertentangan amalan, nilai, kelunturan maruah atau moral bangsa dan kemanusiaan. Budaya pinggiran ini meninggalkan kesan yang tidak baik terhadap golongan remaja kerana ia tidak selari dengan budaya Timur di samping tidak mempunyai tanda-tanda ketamadunan di samping melahirkan budaya negatif.

Permasalahan yang dinyatakan di atas juga boleh berlaku disebabkan oleh lemahnya atau pun kurangnya pegangan agama dalam diri khalayak khususnya golongan remaja. Di samping itu, kurangnya pengawasan daripada ibu bapa serta sikap kebergantungan remaja tersebut kepada pengaruh rakan sebaya yang belum mampu berfikir dengan waras menjadi punca kepada wujudnya permasalahan ini. Biasanya seseorang remaja sangat rapat dengan rakan sebaya. Ajakan rakan sebaya boleh mempengaruhi seseorang remaja itu kerana mereka memiliki persamaan dari segi perasaan dan cita rasa. Dengan itu, mereka akan menerima ajakan rakan sebaya tanpa memikirkan tentang kesan yang timbul hasil daripada tindakan yang mereka lakukan. Keadaan ini sudah pasti boleh merencatkan pembentukan jiwa remaja itu sendiri.

Selain itu, jika dilihat daripada penghasilan bahan-bahan bacaan pada masa kini, terutamanya novel-novel remaja yang dihasilkan lebih menjurus kepada penghasilan novel-novel berbentuk popular. Penghasilan novel-novel popular yang kebanyakannya menceritakan atau pun menggambarkan percintaan golongan muda-mudi boleh menyebabkan golongan remaja berada dalam keadaan yang melalaikan. Menurut Talib Samat (2013: 215) Kepengarangan pengarang novel popular lebih terarah untuk memenuhi keperluan cita rasa penerbit yang menekankan aspek keuntungan material, hiburan dan kepuasan jiwa pembaca yang mahukan cerita-cerita bercorak cinta. Selain itu, novel-novel popular yang dihasilkan tidak banyak membimbing atau memandu golongan remaja ke arah kebaikan. Novel-novel

tersebut membawa khalayak ke arah keseronokan semata-mata dan kurang mengajak khalayak agar mendekatkan diri dengan Allah SWT.

Keruntuhan akhlak masyarakat negara ini terutamanya golongan remaja perlu diselesaikan dengan kadar segera. Sekiranya permasalahan yang timbul ini dibiarkan begitu sahaja, keadaan akan menjadi semakin parah dan negara juga akan kehilangan generasi pelapis yang dapat memberi sumbangan terhadap pembangunan dan kemajuan negara. Oleh itu, ibu bapa, pendidik, ahli-ahli politik, tokoh-tokoh agama dan semua pihak yang berkaitan perlulah memainkan peranan masing-masing secara lebih tegas dan efisien agar masalah yang timbul ini dapat ditangani dengan baik agar tidak merugikan negara. Golongan remaja perlu diasuh dan dididik agar berkembang secara seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek agar dapat menjadi modal insan yang berguna serta dapat membangunkan dan memajukan negara pada masa hadapan.

Golongan remaja segera disedarkan agar menginsafi diri dan menyedari bahawa sebagai seorang umat Islam yang juga merupakan hamba Allah SWT, maka segala nikmat yang diberikan oleh Allah SWT perlu disyukuri. Sebagai tanda mensyukuri nikmat Allah SWT, maka pelaksanaan ajaran Islam dalam kehidupan perlu dipraktikkan semaksimum mungkin dalam kehidupan. Segala tegahan dan larangan Allah SWT mesti ditinggalkan. Segala suruhan-Nya perlulah ditunaikan secara istiqamah dan bersungguh-sungguh.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan watak utama dalam novel *Mereka yang Tertewas* ke arah pembentukan modal insan berlandaskan prinsip kedua Teori Takmilah, iaitu prinsip kerasulan sebagai insan Kamil. Kajian ini dijalankan adalah untuk membuktikan bahawa watak dan perwatakan watak utama dalam novel *Mereka yang Tertewas* memiliki ciri-ciri sebagai insan Khalifah, insan Rabbani dan insan Kamil seperti yang digariskan dalam prinsip kedua Teori *Takmilah*. Kajian ini memberikan tumpuan khusus kepada watak utama yang dapat membantu ke arah pembentukan modal insan dalam masyarakat. Kajian ini akan menghuraikan peristiwa-peristiwa yang terjadi kepada watak utama dalam novel *Mereka yang Tertewas* yang dapat membantu ke arah pembentukan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek dalam masyarakat terutamanya golongan remaja.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kepustakaan. Sumber-sumber kajian ini berupa buku, jurnal dan surat khabar. Sumber utama kajian ini ialah novel *Mereka yang Tertewas* (1991) karya Hasanuddin Md Isa. Novel ini telah memenangi Hadiah Penghargaan Sayembara Hadiah Sastera Berunsur Islam anjuran Yayasan Pelajaran Islam dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1988. Novel ini juga telah dipilih sebagai teks Sastera pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 1991 hingga 2001. Pemilihan novel ini sebagai teks Sastera untuk pelajar SPM telah membuktikan bahawa novel ini merupakan sebuah novel yang sarat dengan nilai-nilai murni dan memiliki unsur didaktik serta dapat membantu ke arah pembentukan modal insan.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan prinsip kerasulan sebagai insan Kamil. Pengkaji memilih prinsip ini kerana prinsip ini memberi fokus yang sepenuhnya kepada keperibadian Nabi Muhammad SAW sebagai seorang model kepada seluruh umat manusia. Prinsip ini selari dengan kajian yang dijalankan kerana kajian ini memberi penumpuan dan penekanan yang sepenuhnya kepada Nabi Muhammad SAW sebagai seorang nabi dan juga seorang rasul yang mendukung tiga konsep keinsanan, iaitu insan Khalifah, insan Rabbani dan insan Kamil. Takmilah juga menurut A.Halim Ali, et al (2021);

Takmilah is based on the belief that all human beings (including the author/writer) have a responsibility to Allah and His Messenger and will not perfect the nature of an artist's work, but strive to bring his work to a level acceptable to Allah as worship. Therefore, the basis of creation according to the theory of Takmilah is Tauhid. That is to respond that the author, the work and the audience should not separate themselves from the circle of the law of Allah S.W.T. and His Messenger.

(A. Halim Ali, *et al*, 2021:2305)

Ketiga-tiga konsep keinsanan ini telah menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai seorang insan yang mulia pekertinya dan dapat dijadikan sebagai model kepada pembentukan modal insan. Menurut Maniyamin bin Haji Ibrahim (2005) prinsip ini mengambil contoh Rasulullah SAW sebagai model insan al-Kamil kerana jiwanya paling dekat dengan Allah SWT. Menurut Kamariah Kamarudin (2011),

Berdasarkan kedudukan Nabi SAW sebagai pemimpin, digambarkan keperibadiannya yang dapat membimbing masyarakat ke arah kebaikan dan keharmonian melalui pernyataan fikirannya yang bijak menyelesaikan segala permasalahan.

(Kamariah Kamarudin, 2011: 262)

Justeru, pemilihan prinsip kedua teori *Takmilah* dan novel ini memang sangat sesuai dengan kajian yang dijalankan. Ini adalah kerana novel ini sarat dengan peristiwa-peristiwa yang dapat memandu manusia ke arah kebaikan dan seterusnya membantu dalam pembentukan modal insan yang terpuji.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Pembangunan modal insan dapat direalisasikan melalui penerapan ilmu dalam diri seseorang individu yang membentuk ahli masyarakat. Disiplin ilmu terutamanya ilmu keagamaan mampu untuk membentuk masyarakat yang kaya dengan nilai-nilai murni dan seterusnya dapat menyumbang ke arah pembentukan modal insan. Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap novel *Mereka yang Tertewas*, didapati banyak peristiwa yang berlaku terhadap watak utama yang dapat menjadi pemangkin ke arah pembentukan modal insan. Watak utama dalam novel yang dikaji memiliki sifat-sifat sebagai insan Khalifah dan insan Rabbani seperti yang digariskan dalam prinsip kerasulan sebagai insan Kamil.

### **Analisis Berdasarkan Ciri-ciri Insan Khalifah**

Setiap manusia yang hidup di muka bumi ini merupakan khalifah. Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 286) penelitian terhadap insan Khalifah merangkumi setiap manusia di muka bumi ini secara menyeluruh. Manusia sebagai khalifah adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan perintah-perintah Allah. Insan Khalifah merujuk kepada keupayaan dan kemampuan seseorang insan untuk menjadi pemimpin di muka bumi. Tanggungjawab manusia sebagai khalifah merupakan suatu amanah besar dan berat. Menurut Abang Mohd. Razif Abang Muis (2015: 72) kesediaan manusia untuk menjadi khalifah di muka bumi digambarkan melalui kesanggupannya untuk memikul amanah yang enggan dipikul oleh makhluk lain. Hal ini diterangkan oleh Allah SWT dalam al-Quran melalui surah *Al-Ahzab* ayat 72 yang bermaksud,

“Kami telah menawarkan kepada langit, bumi dan gunung-ganang tetapi semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka bimbang tidak mampu melaksanakannya (berat), lalu dipikullah amanat itu oleh manusia. Sesungguhnya, manusia itu sangat zalim dan sangat bodoh.”

(Ahmad Yani Abd Manaf *et al.* 2014: 427)

Secara umumnya, insan Khalifah menumpukan penelitian terhadap kepimpinan manusia sebagai manusia yang menggalas tanggungjawab bagi mengurus amanah Allah SWT. Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 286) insan Khalifah merupakan golongan yang harus melaksanakan peraturan-peraturan-Nya bagi memakmurkan kehidupan manusia. Atas kesanggupan manusia untuk memikul tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi ini, maka manusia dikehendaki mentadbir alam ini ke arah yang diredhai oleh Allah SWT. Menurut Samsina Haji Abd. Rahman (2001: 14) Rasulullah dari segi insan khalifah, baginda ialah seorang pentadbir, pemimpin, hakim dan panglima perang yang tiada tandingan. Menurut Abang Mohd. Razif Abang Muis (2015),

“Khalifah ialah satu peranan yang diberikan kepada manusia berdasarkan kepada amanah yang diterimanya daripada Allah SWT. Antara elemen utama amanah termasuklah tugas dan tanggungjawab manusia untuk memakmurkan bumi dengan baik dan mengikut ketetapan Allah SWT berdasarkan unsur akal yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia.”

(Abang Mohd. Razif Abang Muis, 2015: 17)

Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap novel *Mereka yang Tertewas*, banyak ciri insan Khalifah yang ditonjolkan oleh pengkarya. Watak utama novel ini ialah Lebai Pa. Lebai Pa merupakan seorang tokoh agama yang memiliki ilmu agama tinggi berdasarkan pendidikan yang diterimanya. Antara ciri-ciri insan Khalifah yang ditonjolkan oleh pengkarya dalam novel tersebut adalah:

- 1) Pemimpin keluarga
- 2) Bijak menangani permasalahan masyarakat
- 3) Membentuk keharmonian masyarakat
- 4) Membawa perubahan dalam masyarakat
- 5) Mendidik rohani masyarakat.

### **Pemimpin Keluarga**

Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap novel *Mereka yang Tertewas*, banyak konsep insan Khalifah yang ditampilkan oleh pengkarya. Watak utama novel ini ialah Lebai Pa. Lebai Pa telah digambarkan sebagai seorang ketua keluarga yang memiliki sifat terpuji dan bertanggungjawab. Sebagai seorang pemimpin keluarga, beliau tidak membelakangkan ahli keluarga sekiranya beliau ingin membuat sesuatu keputusan terutamanya apabila melibatkan kepentingan ahli keluarganya. Beliau pasti akan meminta pendapat dan pandangan isteri dan anaknya sebelum membuat keputusan. Sikap Lebai Pa tidak membelakangi ahli keluarganya semasa membuat keputusan dapat mengelak daripada timbulnya perasaan tidak puas hati isteri dan anaknya. Sikap Lebai Pa ini telah membuktikan

bahawa beliau seorang pemimpin keluarga yang baik dan bertanggungjawab. Perkara ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

“Hasrat Lebai Pa untuk berjumpa dengan Mat Yasin tiba-tiba tumpul. Dia merasakan bahawa tidak wajar dia menyatakan kepada Mat Yasin hasratnya itu sebelum isterinya dibawa berbincang dahulu. Jemilah perlu diberitahu. Jemilah adalah isterinya yang amat setia, isteri yang menjadi tiang sokong kepada penghidupannya.”

(Hasanuddin Md Isa, 1991: 49)

Petikan di atas berlaku apabila Lebai Pa ingin segera pergi bertemu dengan Mat Yasin berkaitan dengan urusannya untuk mengembalikan kegemilangan penyebaran syiar Islam di Kampung Bukit Setugal. Lebai Pa mahu segera menyampaikan niatnya itu kepada Mat Yasin agar Mat Yasin juga dapat bersama-sama dengannya untuk menjayakan hasrat murni tersebut. Namun begitu, Lebai Pa menanggukkan hasratnya kerana beliau belum mendengar pendapat isterinya, iaitu Jemilah. Ini kerana selama ini Jemilahlah yang sering memberikan pendapat dan pandangannya kepada Lebai Pa sebelum sesuatu keputusan itu dibuat. Lebai Pa tidak pernah membelakangkan isterinya dalam setiap keputusan yang dibuatnya. Sikap Lebai Pa menunjukkan beliau adalah seorang pemimpin keluarga yang baik dan bertanggungjawab terhadap keluarganya.

Berdasarkan petikan di atas, jelas membuktikan bahawa watak Lebai Pa memiliki ciri-ciri sebagai pemimpin keluarga yang baik, beramanah dan bertanggungjawab. Watak utama tersebut sentiasa mengutamakan ahli keluarga dalam setiap tindakan yang diambil. Sikap Lebai Pa merupakan sikap yang terpuji dan patut dicontohi demi memastikan keharmonian dan kesejahteraan hidup berkeluarga dapat dipertahankan. Walaupun watak tersebut merupakan pemimpin keluarga dan layak membuat sesuatu keputusan tanpa meminta pendapat ahli keluarganya, namun beliau tetap mengutamakan pandangan dan pendapat ahli keluarganya. Sikap ini patut dicontohi kerana sikap ini dapat melahirkan modal insan yang amanah dan bertanggungjawab.

### **Bijak Menangani Permasalahan Masyarakat**

Watak Lebai Pa digambarkan sebagai seorang yang bijak serta memiliki kematangan dalam menangani permasalahan yang timbul dalam masyarakat. Dalam usaha untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat di tempat tinggalnya, iaitu Kampung Bukit Setugal, Lebai Pa sering mengingatkan masyarakat agar sentiasa mengamalkan cara hidup Islam. Ini kerana cara hidup Islam dapat menjamin kebahagiaan dan keselamatan umat Islam di dunia dan juga di akhirat nanti. Beliau sering menasihatkan masyarakat di tempat tinggalnya agar menjauhkan diri daripada cara hidup yang menyimpang daripada ajaran Islam. Beliau sering menasihatkan masyarakat agar menjauhi sifat-sifat yang tidak baik seperti sifat tamak, dengki, riak, ujub dan lain-lain lagi. Lebai Pa juga sering mengingatkan masyarakat di kampungnya agar sentiasa bersabar terhadap usaha yang mereka curahkan pada jalan Allah SWT. Ini kerana Lebai Pa sangat yakin bahawa pelbagai dugaan perlu dilalui sebelum mengesap sesuatu kejayaan.

“Lebai Pa berkata lagi. “Begitulah ... kamu pun tahu, sudah 10 tahun dakwah Islam tidak berkumandang di Bukit Setugal ini. Selama 10 tahun itu, sifat-sifat tamak, dengki, ujub, riak, gila pangkat, gila kuasa, angkuh, bongkak, takbur, suka dipuji, menyalahgunakan kuasa dan bermacam-



macam lagi kemungkarannya mendekati lalu menjadi sebahagian daripada cara hidup masyarakat di sini. Setelah 10 tahun itu berlalu baharulah kita memulakan semula seruan ke jalan kebenaran, menyerang kembali penyakit hati, yang sudah terlalu parah merosakkan batang tubuh pesakitnya. Tentu ... tentu kita berasa sukar pada permulaannya untuk mendapatkan kepercayaan daripada masyarakat yang sedang tenat itu; bahawa apa yang telah kita bawa ini lebih baik daripada apa yang sedang mereka kecapai. Tapi percayalah. Tuhan Maha Adil, kemenangan di pihak kita akan tetap tercapai jika kita bersabar dan berusaha. Percayalah.”

(Hasanuddin Md Isa, 1991: 138)

Petikan perbualan di atas merupakan perbualan di antara Lebai Pa dengan Mat Yasin. Perbualan tersebut tercetus selepas mereka selesai menunaikan solat Isyak. Lebai Pa bertanya kepada Mat Yasin tentang ketidakhadiran Uda Puat ke surau seperti selalu. Ini kerana selain Mat Yasin, Uda Puat juga merupakan orang kuat dan orang harapan Lebai Pa untuk membantunya menyebarkan syiar Islam dan memastikan masyarakat di Kampung Bukit Setugal kembali mengamalkan cara hidup seperti yang dianjurkan dalam ajaran Islam. Mat Yasin menyatakan bahawa usaha yang mereka lakukan untuk mendakwahkan masyarakat di Kampung Bukit Setugal telah menjadi semakin sukar dan berliku. Ini kerana selepas Lebai Pa menegur kelemahan Pak Soh dalam memilih tapak untuk pembinaan masjid baharu di Kampung Bukit Setugal dan selepas Lebai Pa mengumpulkan anak-anak muda untuk belajar agama di surau tua Kampung Bukit Setugal, maka sejak itulah pelbagai kata-kata yang tidak sedap didengar terus menerus dilemparkan oleh masyarakat Kampung Bukit Setugal terhadap usaha yang mereka lakukan.

Petikan di atas jelas membuktikan kebijaksanaan Lebai Pa dalam usahanya untuk menanggapi permasalahan masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Beliau mahu masyarakat Kampung Bukit Setugal hidup dengan cara hidup Islam yang sebenarnya. Dalam petikan di atas, Lebai Pa memujuk Mat Yasin agar tidak lemah semangat dengan sikap dan kata-kata yang dilemparkan oleh masyarakat sekeliling terhadap usaha yang dijalankan untuk mengajak masyarakat agar mengamalkan kehidupan yang dianjurkan oleh ajaran Islam. Lebai Pa menegaskan bahawa sememangnya kerja-kerja dakwah ini memerlukan kesabaran yang tinggi dan para pendakwah akan diuji dengan pelbagai ujian dan dugaan. Lebai Pa tidak mahu Mat Yasin lemah semangat dengan situasi yang melanda. Beliau ingin melihat masyarakat Kampung Bukit Setugal kembali hidup seperti sepuluh tahun yang lalu. Pada masa tersebut, masyarakat di Kampung Bukit Setugal memang mengamalkan cara hidup Islam. Pelbagai program dijalankan untuk memastikan masyarakat sentiasa menjalankan perintah Allah SWT. Beliau mahu membuang segala sifat-sifat tidak baik masyarakat Kampung Bukit Setugal seperti tamak, dengki, ujub, riak, gila kuasa, bongkak, takbur dan pelbagai lagi sifat tidak baik di samping pelbagai kemungkarannya yang berlaku dalam masyarakat. Lebai Pa juga mengingatkan Mat Yasin bahawa mereka perlu merawat penyakit hati yang telah lama menyerang sebahagian masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Beliau menasihatkan Mat Yasin agar jangan patah semangat kerana pada tahap permulaan proses dakwah dijalankan, memang agak sukar untuk mendapatkan kembali kepercayaan serta keyakinan masyarakat. Lebai Pa juga meyakinkan Mat Yasin bahawa perjuangan mereka untuk membawa masyarakat ke jalan Allah SWT pasti akan berjaya juga akhirnya.

### **Membentuk Keharmonian dalam Masyarakat**

Sebagai seorang yang amat dihormati dan disanjung oleh masyarakat di Kampung Bukit Setugal kerana ketinggian ilmu agamanya, maka Lebai Pa juga bertanggungjawab dalam membentuk keharmonian dalam kalangan masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Lebai Pa menggunakan hujah dan kata-kata yang sopan serta berdiplomasi bagi menarik minat masyarakat agar mendengar apa yang ingin disampaikan terutama perkara-perkara yang berkaitan dengan dakwah. Lebai Pa terpaksa menggunakan kaedah ini kerana masyarakat di Kampung Bukit Setugal telah lama hidup dalam kejahilan akibat terpengaruh dengan budaya-budaya asing yang datang bersama kemajuan.

Dalam usahanya untuk menarik masyarakat di Kampung Bukit Setugal agar hidup dalam suasana harmoni, maka Lebai Pa perlu berusaha untuk memujuk dan menarik minat Imam Min. Imam Min telah dilantik menggantikan arwah Imam Resat. Lebai Pa ingin menggunakan kedudukan Imam Min untuk menarik masyarakat agar hidup dalam keadaan harmoni. Oleh itu, masyarakat Kampung Bukit Setugal perlu diajak agar meninggalkan segala perkara yang tidak baik yang mereka amalkan sejak lebih sepuluh tahun yang lalu. Untuk tujuan itu, Lebai Pa sentiasa berusaha untuk mencari jalan bagaimana untuk menjayakan hasratnya bagi menghidupkan kembali majlis-majlis keagamaan yang telah lama terkubur di Kampung Bukit Setugal. Amalan solat berjemaah amat susah untuk dihidupkan semula kerana sikap dan kesedaran yang amat kurang dalam diri penduduk kerana mereka terlalu sibuk dengan urusan dunia. Oleh itu, Lebai Pa cuba memujuk dan mengajak Imam Min untuk bersama-sama beliau dan beberapa orang lagi penduduk Kampung Bukit Setugal yang selama ini banyak membantu Lebai Pa menyebarkan dakwah. Sifat Lebai Pa yang berusaha untuk membentuk keharmonian dalam masyarakat dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

“Penyelesaiannya dengan menyatakan tanpa takut dan ragu-ragu akan kebenaran Islam yang bersumberkan kepada kepada al-Quran dan Sunah Baginda Rasulullah s.a.w. Kita didik anak-anak yang masih kecil mendekati al-Quran, memujuk anak-anak muda supaya kembali kepada penghidupan Islam dan memenuhi kehidupan mereka dengan menuntut ilmu, membangkitkan kembali semangat kepada orang-orang dewasa dan orang-orang tua supaya membentuk kembali akhlak yang mampu menjadi contoh kepada anak-anak mereka.”

(Hasanuddin Md Isa, 1991: 72-73)

Petikan perbualan di atas merupakan perbualan antara Lebai Pa dengan Imam Min. Tujuan Lebai Pa pergi ke rumah Imam Min adalah untuk bertanyakan khabar Imam Min kerana Imam Min telah mulai kurang mengunjungi surau tua Kampung Bukit Setugal untuk solat berjemaah terutama ketika solat subuh. Selain itu, Lebai Pa juga membawa bersamanya hasrat yang menggunung, iaitu untuk mengajak Imam Min bersama-sama dengan beliau dan beberapa orang kepercayaan Lebai Pa untuk menghidupkan kembali amalan keagamaan di Kampung Bukit Setugal seperti solat berjemaah, mengadakan kembali kelas-kelas mengaji al-Quran, memujuk dan menarik minat golongan muda-mudi supaya kembali kepada kehidupan Islam dan memenuhi kehidupan mereka dengan menuntut ilmu dunia dan akhirat. Selain itu, Lebai Pa juga ingin membangkitkan kembali semangat orang-orang dewasa dan orang-orang tua di Kampung Bukit Setugal supaya sama-sama membentuk kembali akhlak anak-anak mereka dengan cara menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak mereka yang mulai dipengaruhi oleh pengaruh-pengaruh luar yang tidak sihat. Lebai Pa juga berasa risau dengan perbuatan maksiat yang semakin menjadi-jadi di Kampung Bukit

Setugal pada masa kini. Golongan muda di kampung itu hidup dalam keadaan bebas dan melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Perkara ini berlaku kerana sejak pemergian arwah Imam Resat lebih sepuluh tahun yang lalu, masyarakat di Kampung Bukit Setugal seolah-olah hilang haluan dan pedoman.

Perbuatan Lebai Pa pergi berjumpa dengan Imam Min merupakan salah satu langkah yang dilakukan oleh Lebai Pa untuk membentuk keharmonian di Kampung Bukit Setugal. Lebai Pa ingin melihat penduduk Kampung Bukit Setugal kembali mengamalkan kehidupan yang dianjurkan oleh agama Islam. Beliau ingin melihat golongan muda dan tua di situ saling bantu membantu untuk menghidupkan semula kegemilangan Islam yang pernah terjadi semasa Imam Resat masih hidup. Sikap Lebai Pa menunjukkan bahawa beliau ingin membentuk keharmonian dalam masyarakat di Bukit Setugal. Sikap beliau jelas menunjukkan bahawa beliau memiliki ciri-ciri sebagai seorang Insan Khalifah.

### **Membawa Perubahan dalam Masyarakat**

Lebai Pa telah berusaha untuk membawa perubahan dalam masyarakat di Kampung Bukit Setugal menyebarkan dengan ilmu pengetahuan. Beliau berusaha untuk menyedarkan masyarakat tentang pentingnya menuntut ilmu demi kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Selain itu, Lebai Pa amat yakin bahawa ilmu yang dimiliki dapat membantu masyarakat untuk memulihkan kepincangan akhlak akibat pengaruh budaya asing. Lebai Pa sedar bahawa dengan ilmu pengetahuan, masyarakat dapat berkembang dan akan menjadi lebih maju serta lebih berdaya saing. Dengan sebab itulah maka Lebai Pa tidak pernah berasa jemu untuk menyampaikan ilmu terutamanya ilmu agama kepada masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Lebai Pa amat yakin bahawa dengan ilmu, manusia akan menjadi lebih bertamadun serta selamat di dunia dan di akhirat. Petikan di bawah dapat menunjukkan usaha Lebai Pa yang berusaha untuk membawa perubahan dalam masyarakat dengan cara menuntut ilmu agama. Tindakan Lebai Pa yang berusaha untuk membawa perubahan dalam masyarakat melalui ilmu dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

“Selesai bersalam-salaman, anak-anak muda yang hendak belajar mengaji al-Quran bergegas menuju para-para untuk mendapatkan muqaddam. Berteriaklah mereka menyebut bunyi huruf, membunyikan baris atas, baris bawah, baris depan, sabdu, baris dua atas, baris dua bawah, baris dua di depan dan segala susunan tanda-tanda bacaan. Lebai Pa mendengar bacaan anak-anak muda itu dengan teliti, begitu juga dengan Mat Yasin. Hati Lebai Pa amat lapang dengan adanya di antara anak-anak muda itu yang terang hatinya, cepat mengenal huruf dan mampu melangkau susunan pelajaran mengeja tanpa terganggu untuk terus membaca pada pelajaran yang lebih tinggi.”

(Hasanuddin Md. Isa, 1991: 135-136)

Petikan di atas berlaku pada suatu malam selepas Lebai Pa, Mat Yasin, Uda Puat, Pudun serta beberapa orang anak muda Kampung Bukit Setugal menunaikan solat Maghrib. Sebaik selesai menunaikan solat Maghrib secara berjemaah, anak-anak muda yang mahu belajar membaca al-Quran mengambil muqaddam dan mula membaca muqaddam dengan dipantau oleh Lebai Pa. Lebai Pa sedar bahawa anak-anak muda inilah yang bakal menjadi pemimpin di Kampung Bukit Setugal pada masa hadapan. Golongan inilah yang bakal mewarisi segala jawatan penting di Kampung Bukit Setugal pada masa hadapan. Sedar

dengan situasi itulah, maka Lebai Pa tidak pernah berasa jemu untuk membimbing golongan muda ini agar dilengkapi dengan ilmu agama yang cukup agar mereka dapat keluar daripada kejahilan yang selama ini melingkari kehidupan masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Lebai Pa tidak mahu melihat masyarakat di Kampung Bukit Setugal terus menerus hidup dalam keadaan leka dan lalai. Lebai Pa berharap agar segala bentuk kejahilan akan ditinggalkan dan masyarakat akan kembali mengamalkan hidup bersyariat. Lebai Pa sangat mengharapkan berlakunya perubahan dalam masyarakat di Kampung Bukit Setugal terutamanya golongan remaja. Ini kerana golongan inilah yang akan mewarisi kegemilangan di Kampung Bukit Setugal pada masa hadapan.

### **Mendidik Rohani**

Lebai Pa juga memainkan peranannya dalam mendidik rohani masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Lebai Pa sentiasa berusaha untuk mengubah sikap masyarakat Kampung Bukit Setugal yang telah berubah setelah kematian Imam Resat sepuluh tahun yang lalu. Masyarakat Kampung Bukit Setugal telah meninggalkan kehidupan beragama sejak itu. Aktiviti solat berjemaah di surau telah mula ditinggalkan, kelas-kelas agama yang dianjurkan juga kurang mendapat sambutan daripada masyarakat kampung. Golongan muda pula mulai terpengaruh dengan budaya-budaya luar yang negatif. Rasa hormat golongan muda terhadap golongan tua turut terhakis selari dengan menularnya budaya luar. Masyarakat di Kampung Bukit Setugal menjadi leka serta lalai dengan tuntutan agama. Oleh itu, Lebai Pa cuba untuk memantapkan rohani masyarakat di Kampung Bukit Setugal agar kembali kepada kehidupan Islam yang sebenarnya. Sikap Lebai Pa yang berusaha untuk mendidik rohani masyarakat di Kampung Bukit Setugal dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

“Sejak saya membuka kitab-kitab arwah Imam Resat di surau pagi tadi, saya merasakan bahawa saya perlu membuka kembali kuliah agama di surau, mengajak penduduk Kampung Bukit Setugal ini kembali kepada ajaran Islam. Sekarang ini, saya perhatikan budak-budak muda yang bakal mewarisi usia tua orang-orang tua yang ada di sini sudah banyak tidak tahu mengaji, jauh sekali untuk memahami isi kandungan kitab suci al-Quran.” Lebai Pa menyatakan apa yang terbuku di dalam hatinya.”

(Hasanuddin Md Isa, 1991: 53-54)

Petikan di atas adalah perbualan antara Lebai Pa dengan isterinya, Jemilah. Dalam dialog tersebut, Lebai Pa menceritakan tentang perasaannya yang ingin mendidik rohani masyarakat di Kampung Bukit Setugal yang telah terpesong jauh dari kehidupan Islam yang sebenarnya. Untuk tujuan itu, Lebai Pa bercadang untuk menghidupkan kembali kuliah agama di surau seperti yang pernah dilakukan oleh arwah Imam Resat suatu ketika dahulu. Hasrat ini timbul apabila Lebai Pa melihat keadaan masyarakat di Kampung Bukit Setugal yang tidak mengamalkan cara hidup yang sepatutnya. Golongan tua pula gagal mendidik dan menunjukkan sikap yang baik kepada golongan muda. Ini kerana ada golongan tua juga tidak menunjukkan sikap yang baik seperti yang dianjurkan oleh Islam. Kebanyakan golongan muda tidak pandai membaca al-Quran apatah lagi memahami isi kandungan kitab suci tersebut. Ini berlaku kerana golongan ini dibiarkan hidup bebas. Golongan ini terus hanyut dalam arus kemodenan. Sesuai dengan ilmu agama yang dimilikinya serta kedudukannya di Kampung Bukit Setugal, Lebai Pa rasa terpenggil untuk mendidik rohani masyarakat agar mereka kembali mengamalkan kehidupan seperti yang dianjurkan oleh agama Islam. Sifat

mulia Lebai Pa yang berusaha mengubah rohani masyarakat ini jika diamalkan akan dapat membentuk modal insan yang terpuji.

### **Analisis Berdasarkan Ciri-ciri Insan Rabbani**

Insan Rabbani memiliki jiwa yang dekat dengan Allah SWT. Dalam pandangan Islam, insan Rabbani menjurus kepada kemampuan manusia di atas muka bumi ini mempamerkan keperibadian murni bagi memimpin sesebuah masyarakat berdasarkan pengabdianya (*ubudiyah*) yang tulus dan luhur terhadap Allah SWT (Kamariah Kamarudin, 2011). Insan Rabbani menjadikan al-Quran sebagai sumber petunjuk utama untuk memahami diri manusia, pencipta, persekitaran, rahmat dan nikmat Allah SWT. Al-Quran menjadi sumber pendidikan yang sangat penting kerana kekuatan akal manusia agak terbatas untuk mengenali secara sepenuhnya diri serta ciptaan Allah SWT yang lainnya.

Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap novel *Mereka yang Tertewas*, banyak ciri insan Rabbani yang ditonjolkan oleh pengkaryanya. Antara ciri-ciri insan Rabbani yang ditonjolkan oleh pengkaryanya dalam novel tersebut adalah:

- 1) Meningkatkan syiar Islam dalam masyarakat
- 2) Membina keyakinan masyarakat
- 3) Mewujudkan masyarakat yang sejahtera
- 4) Memiliki disiplin yang tinggi
- 5) Memberi layanan yang baik terhadap keluarga
- 6) Meningkatkan pemahaman agama Islam dalam masyarakat.

### **Meningkatkan Syiar Islam dalam Masyarakat**

Sesuai dengan maksud insan Rabbani, iaitu manusia yang cemerlang serta mengutamakan kehidupan yang bersumber ajaran Illahi, maka Lebai Pa berusaha untuk meningkatkan syiar Islam dalam kalangan masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Beliau mahu memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa perbuatan dan perlakuan mereka selama ini telah menyimpang jauh dari ajaran Islam yang sebenar dan perbuatan mereka adalah salah serta dilarang oleh Allah SWT. Perbuatan tersebut boleh mengundang kemurkaan Allah SWT. Usaha beliau yang berusaha untuk mempertingkatkan syiar Islam dalam kalangan masyarakat di Kampung Bukit Setugal dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

“Biar nanti masyarakat Bukit Setugal akan tunduk kepada hukum Allah. Tentu. Tentu mereka akan memperakui kata-katanya selama ini bahawa arak itu haram, judi itu haram, pergaulan bebas dengan yang bukan muhrim itu haram, mendedahkan aurat kepada orang-orang yang bukan muhrim itu haram, dan segala yang wajib, sunat, harus, makruh dan haram itu akan tetap pada hukumnya walaupun zaman bertukar dan manusia silih berganti hidup dan mati.”

(Hasanuddin Md Isa, 1991: 115)

Petikan di atas adalah monolog Lebai Pa tentang kepincangan masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Masyarakat kampung tersebut telah meninggalkan kehidupan yang bersyariatkan Islam. Banyak perbuatan yang dipraktikkan dalam kehidupan seharian mereka merupakan perbuatan menyalahi hukum Allah SWT. Antara perbuatan tersebut adalah seperti berjudi, minum arak, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim dan lain-lain lagi. Keadaan inilah yang amat merisaukan Lebai Pa. Beliau ingin menyedarkan

masyarakat tentang perbuatan-perbuatan mereka yang menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenarnya. Beliau ingin masyarakat tahu dan faham apa yang haram dan apa yang betul agar kesalahan yang dilakukan oleh masyarakat sebelum ini tidak diteruskan oleh golongan muda. Jika sikap ini tidak dibetulkan, maka masyarakat akan terus hidup dalam kemurkaan Allah SWT. Sikap Lebai Pa yang berusaha untuk membanteras salah laku masyarakat di Kampung Bukit Setugal merupakan salah satu sikap insan Rabbani. Sikap ini jika dipraktikkan mampu melahirkan insan yang berperibadi murni serta dapat menjadi modal insan yang berguna kepada masyarakat dan negara.

### **Membina Keyakinan Masyarakat**

Lebai Pa sememangnya memiliki ilmu agama yang tinggi. Ilmu agama yang dimilikinya telah menjadikan Lebai Pa seorang yang bijaksana dalam segala tindakan yang diambilnya. Ilmu agama yang dimilikinya telah membolehkan beliau mengubah segala perilaku yang tidak baik yang melingkari hidup dan kehidupan masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Ilmu agamanya yang tinggi telah membolehkan Lebai Pa untuk bertindak dengan cara yang bijaksana untuk memujuk golongan muda yang selama ini dipengaruhi oleh budaya luar yang tidak sihat agar kembali mendekatkan diri mereka dengan ajaran Islam yang sebenarnya. Beliau juga bertindak sebagai pendidik dan mendidik masyarakat di Kampung Bukit Setugal terutamanya golongan muda agar berjinak-jinak dengan ilmu agama, berjinak-jinak dengan surau dan dalam masa yang sama beliau cuba untuk membimbing golongan muda agar kembali taat dan lebih tekun menjalankan suruhan Allah SWT. Beliau mengajak golongan muda agar meninggalkan segala perbuatan yang sia-sia. Lebai Pa telah membuka seluas-luasnya peluang kepada golongan muda yang ingin belajar ilmu agama dengannya.

Lebai Pa menjadi tumpuan para penduduk Kampung Bukit Setugal yang ingin mendalami ilmu agama. Ini kerana para penduduk di Kampung Bukit Setugal sedar akan ketinggian ilmu agama yang dimiliki oleh Lebai Pa. Tindakan Lebai Pa yang bijaksana dengan membuka peluang dan ruang yang seluas-luasnya kepada sesiapa sahaja yang ingin belajar mengaji dan belajar ilmu agama dengannya merupakan tindakan yang bijak dan amat dinanti-nantikan oleh sebahagian penduduk Kampung Bukit Setugal. Lebai Pa mahu membantu masyarakat khususnya golongan muda agar mereka yakin dengan keesaan Allah SWT. Tindakan Lebai Pa yang berusaha untuk membina keyakinan masyarakat kepada kebenaran Islam dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

“Kawan-kawan saya datang hendak belajar agama dari ayah Lebai.” Pudin bersuara. Anak-anak muda yang duduk berlonggok di serambi surau itu berdiri lalu berjalan ke arah Lebai Pa.

Lebai Pa membuka seluruh pintu hatinya menadah kesyukuran ke hadrat Allah. Moga-moga datangnya anak-anak muda itu menggabungkan diri dalam barisan manusia yang cintakan ilmu dan kesejahteraan hidup merupakan petanda bangkitnya kembali kegemilangan syiar Islam di Bukit Setugal. Lebai Pa amat faham akan sunah jatuh dan bangunnya Islam. Sejarah masuknya anak-anak muda ke dalam barisan Rasulullah s.a.w. pada zaman awal Islam seperti Sayidina Bilal r.a., Sayidina Ali bin Abi Talib r.a., Sayidina Hamzah r.a., Sayidina Saad bin Abi Waqas dan lain-lain para sahabat Nabi s.a.w. yang mulia itu. Mereka itulah daya penggerak yang memecahkan tembok jahiliah yang menebal dalam kehidupan masyarakat Makkah.”

(Hasanuddin Md Isa, 1991: 91-92)

Petikan di atas adalah perbualan antara Lebai Pa dengan Pudin. Pudin merupakan anak muda Kampung Bukit Setugal yang selama ini turut berjuang bersama-sama Lebai Pa dan beberapa orang yang lain berusaha untuk memulihkan kembali keadaan masyarakat di Kampung Bukit Setugal yang mulai berubah terutamanya selepas kematian arwah Imam Resat di samping pengaruh anasir luar yang datang bersama-sama dengan arus pemodenan. Lebai Pa mahu membina keyakinan golongan muda agar sentiasa taat kepada Allah SWT. Dalam petikan di atas, Pudin telah membawa beberapa orang rakannya yang merupakan golongan muda di Kampung Bukit Setugal ke surau tua Bukit Setugal itu kerana mereka ingin belajar mengaji al-Quran dan mendalami ilmu agama daripada Lebai Pa. Mereka dengan rela hati datang bertemu sendiri dengan Lebai Pa di surau tua Kampung Bukit Setugal itu. Kedatangan kawan-kawan Pudin yang ingin belajar mengaji dan mempelajari ilmu agama daripada Lebai Pa itu telah disambut baik oleh Lebai Pa. Beliau menerima hasrat dan niat golongan muda itu dengan hati terbuka kerana beliau sedar bahawa golongan muda inilah yang bakal menjadi pemimpin pada masa hadapan dan merekalah yang akan meneruskan segala apa yang telah diusahakan pada masa kini. Jika baik ilmu yang ada di dada golongan muda ini, maka akan baiklah apa yang akan dilaksanakan oleh golongan muda ini pada masa hadapan. Tiada sebarang penolakan yang mereka terima daripada Lebai Pa. Lebai Pa terus bersetuju untuk mengajarkan ilmu agama kepada mereka selepas mereka selesai menunaikan solat Isyak pada malam itu. Akhirnya niat Lebai Pa untuk mendakwahkan masyarakat di Kampung Bukit Setugal telah mula menampakkan hasilnya. Tindakan Lebai Pa menerima hasrat golongan muda ini untuk belajar mengaji al-Quran dan belajar ilmu agamanya merupakan suatu tindakan yang bijak dan patut dicontohi.

### **Mewujudkan Masyarakat Yang Sejahtera**

Watak Lebai Pa juga berusaha untuk mewujudkan masyarakat yang sejahtera di Kampung Bukit Setugal. Untuk tujuan itu, Lebai Pa untuk membangunkan sebuah tempat yang dapat memberi pendidikan agama yang lengkap dan sempurna kepada anak-anak remaja di Kampung Bukit Setugal dan juga untuk kawasan sekitarnya yang berminat untuk mendalami ilmu agama. Petikan di bawah dapat membuktikan tindakan Lebai Pa yang ingin mewujudkan kesejahteraan dalam masyarakat.

“Lebai Pa bercadang untuk membangunkan sebuah madrasah yang lebih sistematik dan daripada apa yang telah dibangunkan oleh arwah Imam Mat di Bukit Keledang tempat Lebai Pa belajar dahulu. Lebai Pa tidak mahu menjadikan madrasah itu nanti hanya setakat tempat membahaskan cabang-cabang ilmu dalam Islam, tetapi biarlah madrasah itu menjadi pusat penyebaran agama Islam di kampung Bukit Setugal atau jika mampu, ia akan menampung semua pelajar dari seluruh daerah Kalisendung yang ingin mendalami ilmu agama. Biarlah madrasah yang bakal dibangunkan nanti akan menerapkan gabungan iman, ilmu dan amal sekali gus.”

(Hasanuddin Md Isa, 1991: 153)

Petikan di atas merupakan hasrat murni yang tertanam dalam diri Lebai Pa. Lebai Pa ingin membangunkan sebuah madrasah yang sistematik dan serba lengkap. Beliau telah menjadikan Madrasah Imam Mat di Bukit Keledang tempat beliau mendalami ilmu agama suatu ketika dahulu sebagai penanda aras. Lebai Pa juga bercadang mahu menjadikan madrasah tersebut sebagai pusat penyebaran agama Islam di Kampung Bukit Setugal dan bukan hanya membahaskan cabang-cabang ilmu dalam Islam semata-mata. Jika ada

kemampuan, beliau ingin menjadikan madrasah tersebut sebagai tempat mempelajari dan mendalami ilmu-ilmu berkaitan agama Islam yang khusus bukan hanya untuk anak-anak Kampung Bukit Setugal sahaja, malah turut menampung pelajar-pelajar dari seluruh Daerah Kalisending yang ingin menuntut di madrasah tersebut. Lebai Pa mahu menerapkan iman, ilmu dan amal kepada para pelajar yang menuntut di madrasah tersebut. Cita-cita Lebai Pa merupakan cita-cita yang mulia dan boleh dicontohi dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang memiliki ilmu yang seimbang untuk kehidupan di dunia dan akhirat.

### Memiliki Disiplin yang Tinggi

Lebai Pa memiliki disiplin yang tinggi dalam menjalankan usahanya menyebarkan syiar Islam kepada masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Disiplin tinggi yang dimiliki oleh Lebai Pa dapat dilihat melalui kegigihan beliau mengadakan kelas-kelas agama kepada masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Beliau telah menyusun jadual kelas-kelas agama secara tetap mengikut hari-hari yang telah ditentukan. Beliau telah menetapkan jadual bagi setiap kelas yang dijalankan agar memudahkan para penduduk membahagikan masa mereka. Dengan cara itu, masyarakat Kampung Bukit Setugal dapat mengikuti kelas-kelas agama yang dijalankan itu secara istiqamah. Petikan di bawah dapat membuktikan bahawa Lebai Pa memiliki disiplin yang tinggi dalam menyebarkan syiar Islam dalam masyarakat di Kampung Bukit Setugal.

“Kitab *Matan al-Baldrin* ini saya ajarkan kepada pemuda-pemuda kampung ini pada malam Isnin, kitab *Hadiyatul Salikin* ini pula saya ajarkan pada malam Selasa. Kitab *Aqidatul Muslim* ini diajarkan pada malam Rabu dan kitab tajwid al-Quran saya ajarkan pada malam-malam yang lainnya.” Lebai Pa memberikan penjelasan sambil menunjukkan kitab-kitab yang sering digunakan itu.”

(Hasanuddin Md Isa, 1991: 112)

Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa Lebai Pa merupakan seorang yang berdisiplin tinggi dalam usahanya untuk menyebarkan syiar Islam dalam masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Disiplin yang tinggi adalah sangat penting kerana tanpa disiplin yang tinggi, sudah tentu usaha murninya sukar untuk direalisasikan. Oleh itu, Lebai Pa telah menyusun program-program yang bakal dijalankannya secara sistematik agar usaha murninya itu dapat menyuburkan semula benih keimanan dalam diri masyarakat. Di samping itu, beliau juga dapat memastikan program bercorak keagamaan itu akan berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah. Untuk tujuan itu, Lebai Pa telah mengadakan jadual yang lengkap dan tersusun. Dalam petikan di atas, Lebai Pa telah menyusun jadual kelas-kelas agama yang bakal diadakan. Pada malam Isnin, Lebai Pa akan mengajar golongan muda dengan Kitab *Matan al-Baldrin*, pada malam Selasa, beliau akan mengajar kitab *Hadiyatul Salikin*, pada malam Rabu, beliau akan mengajar kitab *Aqidatul Muslim*. Sementara itu, kitab tajwid al-Quran akan diajar pada malam-malam yang lainnya. Dengan jadual program agama yang tersusun itu, maka Lebai Pa dapat memastikan setiap golongan masyarakat di Kampung Bukit Setugal akan dapat mempelajari ilmu agama yang pelbagai mengikut jadual yang telah disediakan. Ini juga akan memudahkan masyarakat di Kampung Bukit Setugal menyusun jadual harian mereka. Sikap Lebai Pa merupakan sikap yang terpuji. Beliau sangat layak dijadikan sebagai model insan yang berperwatakan terpuji dan dapat dijadikan sebagai model yang dapat membentuk modal insan yang berkualiti.



### **Memberi Layanan Yang Baik Terhadap Keluarga**

Sebagai seorang yang memiliki ilmu agama yang tinggi, Lebai Pa telah menunjukkan contoh yang baik. Beliau sentiasa memberi layanan yang baik terhadap ahli keluarganya. Lebai Pa memberikan layanan yang baik terhadap isterinya, Jemilah. Sikap Lebai Pa yang memberi layanan yang baik terhadap isterinya dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

“Saya hendak ke pejabat agama di bandar Kalisendung. Tidak pasti pula bila akan pulangnya. Milah ada duit belanja di rumah?”

“Ada. Tapi kenapa Pa tidak beritahu Milah sejak semalam lagi tentang hal ini?”

“Saya dijemput oleh tuan kadi pagi ini dengan cara yang tergesa-gesa.”

“Mengapa?”

Lebai Pa mendingkan diri. Dia tidak sanggup untuk menanamkan benih-benih kedukaan ke dalam hati isterinya itu.”

(Hasanuddin Md Isa, 1991: 112-113)

Perbualan di atas tercetus apabila dua orang pegawai dari pejabat agama Kalisendung datang ke rumah Lebai Pa. Mereka telah mendapat arahan dari tuan kadi agar menjemput Lebai Pa ke pejabat agama di Bandar Kalisendung. Dalam perbualan di atas, Lebai Pa telah memberikan layanan yang baik terhadap isterinya. Dalam perbualan di atas, jelas membuktikan bahawa Lebai Pa berusaha untuk tidak menimbulkan perasaan sedih dan cemas dalam diri isterinya. Beliau tidak mahu isterinya berasa sedih atau risau terhadap apa yang berlaku kepada dirinya. Oleh sebab itulah, Lebai Pa cuba untuk merahsiakan sebarang peristiwa yang berlaku yang boleh menimbulkan kesedihan dan kerisauan isterinya. Sikap dan tindakan Lebai Pa membuktikan bahawa beliau sentiasa menjaga perasaan isterinya dan memberikan layanan yang baik terhadap ahli keluarganya.

### **Meningkatkan Pemahaman Agama Islam dalam Masyarakat**

Lebai Pa juga sentiasa berusaha untuk meningkatkan pemahaman agama dalam masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Ini kerana masyarakat di Kampung Bukit Setugal telah dipengaruhi oleh anasir-anasir luar yang tidak sihat. Jika pemahaman agama masyarakat tidak diperkukuhkan, maka akan menjadi lebih sukar bagi Lebai Pa untuk mengembangkan syiar Islam dalam kalangan masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Petikan di bawah membuktikan bahawa Lebai Pa berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan pemahaman agama dalam masyarakat di Kampung Bukit Setugal.

“Cuma yang berbeza ialah peralatan. Kitab dan ilmu tetap bersandarkan kepada al-Quran dan Hadis Rasulullah s.a.w. Biarlah musalla yang menjadi tempat belajar murid-murid pondok itu nanti akan diterangi oleh cahaya elektrik yang dibekalkan oleh sebuah enjin yang memakai petrol sebagai bahan apinya. Setiap butiran pelajaran yang akan disampaikan kepada murid-muridnya nanti lebih mudah dan jelas didengar apabila satu set pembesar suara digunakan untuk tujuan mengajar pada waktu malam.”

(Hasanuddin Md Isa, 1991: 155)

Petikan di atas merupakan salah satu tindakan yang Lebai Pa ambil demi untuk meningkatkan pemahaman agama masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Demi untuk meningkatkan pemahaman agama masyarakat, Lebai Pa telah mengambil langkah yang drastik dengan membina sebuah madrasah yang menempatkan anak-anak muda dari Kampung Bukit Setugal dan kawasan yang berdekatan. Demi untuk memudahkan pemahaman agama pelajar-pelajarnya, maka Lebai Pa akan menyediakan kemudahan elektrik dengan menggunakan sebuah enjin petrol. Dengan cara ini, para pelajar akan dapat mendalami ilmu agama dengan lebih selesa. Selain itu, set pembesar suara yang bakal disediakan di madrasah tersebut akan turut memudahkan para pelajar untuk menerima apa yang disampaikan kepada mereka. Tindakan Lebai Pa ini jelas menunjukkan bahawa beliau berusaha untuk meningkatkan pemahaman agama dalam masyarakat. Tindakan Lebai Pa ini patut dicontohi agar dapat melahirkan modal insan yang seimbang dalam masyarakat.

### **Analisis Berdasarkan Ciri-ciri Insan Kamil**

Insan Kamil merupakan manusia yang sempurna yang dijadikan Allah SWT. Gabungan insan Khalifah dengan insan Rabbani akan membentuk insan Kamil yang bertakmilah, sebagai mana tercermin pada diri Rasulullah SAW (Maniyamin Haji Ibrahim, 2005). Justeru, seseorang yang diangkat atau diiktiraf sebagai insan Kamil mestilah terlebih dahulu memiliki segala ciri insan Khalifah dan insan Rabbani. Ini jelas membuktikan bahawa hanya para rasul dan nabi sahaja yang layak diiktiraf sebagai insan Kamil. Ini kerana hanya nabi dan rasul sahaja yang mempunyai keimanan dan ketakwaan yang tinggi terhadap Allah SWT. Menurut M. Dawam Raharjo (1985: 104) insan Kamil adalah Nur Muhammad yang merupakan “tempat penjelmaan” (*tajalli*), asma, zat Allah SWT yang paling menyeluruh yang ia pandang sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Insan Kamil sebagai manusia sempurna dan hanya boleh dicapai oleh para nabi dan rasul sahaja. Menurut Kamariah Kamarudin (2011) “Insan Khalifah” dan “Insan Rabbani” sebenarnya berupaya menjadi “Insan Kamil” dengan syarat melalui proses pengabdian yang setulusnya kepada kepada Allah SWT. Oleh hal yang demikian, dalam hal ini, Nabi Muhammad SAW merupakan manusia contoh teladan (*al-uswah hasanah*) sebagai insan Kamil di muka bumi ini berdasarkan keperibadian, akhlak dan keistimewaan baginda.

Berdasarkan kepada penelitian yang dilakukan terhadap novel *Mereka yang Tertewas*, tidak ada watak yang layak diiktiraf sebagai insan Kamil. Watak utama yang ditonjolkan dalam novel ini hanyalah manusia biasa yang memiliki ilmu agama yang tinggi serta memiliki peribadi yang mulia. Walaupun watak utama mempunyai kelebihan dari segi daya kepimpinan, berfikiran positif, sabar, berwawasan serta berusaha memakmurkan masyarakat dengan melakukan kerja-kerja dakwah, namun belum layak untuk diiktiraf sebagai insan Kamil. Hanya Nabi Muhammad SAW yang layak untuk diiktiraf sebagai insan Kamil.

### **KESIMPULAN**

Pembangunan modal insan sangat penting dalam usaha untuk melahirkan masyarakat yang maju, berdaya saing dan produktif. Pembangunan modal insan yang berkualiti dalam sesebuah masyarakat dapat menjadi pemangkin ke arah pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek mampu menyumbang tenaga dan kepakaran terhadap kemajuan sesebuah negara. Hal ini mampu dicapai sekiranya masyarakat mengamalkan prinsip pendidikan sepanjang hayat di samping patuh kepada perintah Allah SWT. Prinsip kerasulan sebagai insan Kamil telah digarap dengan begitu baik oleh pengkarya dalam novel *Mereka yang Tertewas*. Sifat murni insan Khalifah dan insan Rabbani yang dipaparkan oleh pengkarya dapat memberi

sumbangan ke arah penerapan nilai-nilai murni dalam masyarakat melalui peristiwa-peristiwa yang dipaparkan dalam novel yang dikaji. Konsep insan Khalifah dan insan Rabbani yang diterapkan dalam novel ini mampu meninggalkan kesan yang positif kepada khalayak dan seterusnya dapat membantu ke arah pembentukan modal insan dalam masyarakat. Watak dan perwatakan watak utama dalam novel ini telah ditonjolkan dengan begitu sempurna sebagai insan yang mengesakan Allah SWT, patuh kepada segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya. Iman yang kukuh dalam jiwa watak utama telah berjaya membentuk keperibadian watak utama sehingga beliau menjadi insan yang berbudi pekerti mulia, sabar, sanggup berkorban harta dan masa pada jalan Allah SWT dan yang paling penting, watak utama sentiasa berjuang untuk memantapkan akidah masyarakat melalui aktiviti dakwah. Kajian ini juga dapat menerapkan nilai-nilai kepimpinan dalam kehidupan masyarakat. Pemaparan nilai-nilai kepimpinan tersebut akan menjadikan seseorang pemimpin sama ada pemimpin keluarga atau masyarakat lebih bertanggungjawab dalam memikul amanah yang diterima. Nilai murni insan Khalifah dan insan Rabbani yang ditonjolkan pengkarya menjadi panduan kepada seseorang pemimpin agar menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk membangun serta mensejahterakan masyarakat. Idea-idea yang baharu dan bernas boleh dijemakan atau dipraktikkan terhadap masyarakat dengan cara yang harmoni mengikut kesesuaian tanpa membebankan masyarakat. Kajian ini sedikit sebanyak dapat memberikan kesan yang positif serta dapat membantu pembentukan modal insan pada khalayak.

## RUJUKAN

- Abang Mohd. Razif Abang Muis. (2015). *Pembangunan Insan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Ali, Azhar Wahid, Julita Norjieta Taisin, Azman Ismail, Rohayati Junaidi, Nur Faaizah Md Adam, Roslan Chin, Miftachul uda (2021), Understanding History And Development On Literature Theory In Malaysia, *Journal of Linguistica Antverpiensia*, 2021 (2) ,2296–2319
- Abdul Halim Ali. (2011). *Pengantar Teori & Kritikan Sastera Barat dan Timur*. Tanjong Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Ahmad Yani Abdul Manaf *et al.* (edtr). (2014). *Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid Berwarna*. Shah Alam: Karya Bertari Sdn. Bhd.
- Ahmad, Z., Abdul Wahid, A., & Ali, A. H. (2020). Kerasulan insan kamil membentuk modal insan dalam novel Imam. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 16-27. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/125>
- Azhar Hj. Wahid & Zawawi Jahya. (2009). *Pendidikan Pembangunan Modal Insan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Che Zuina Ismail. (2009). *Pengantar Asas-asas Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbit Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Hasanuddin Md Isa. (1991). *Mereka yang Tertewas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Abdullah. (2009). *Seni Budaya Media dan Konflik Jati Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Jelani Harun (edtr). (2004). *Ilmu Kesusasteraan Abad Ke-21*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Kamariah Kamarudin. (2011). *Takmilah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- M. Dawam Raharjo (ed). (1985). *Insan Kamil Konsep Manusia Menurut Islam*. Jakarta: PT Graffiti Pers.
- Maniyamin Haji Ibrahim. (2005). *Citra Takmilah: Analisis Terhadap Kumpulan Puisi Islam*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Mohd Arifin Ghazali. (2007). *Pembinaan Modal Insan dalam Program Kokurikulum IPTA*. Kertas kerja Seminar Peradaban Melayu 111 Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Samsina Haji Abd. Rahman. (2001). Teori Takmilah dalam Puisi-puisi Malaysia. *Dewan Sastera* (Hlm 17-23).
- Talib Samat. (2003). Perbandingan Novel Popular dengan Novel Serious. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 1(1), 214-228.
- Zulkiflee Haron et al. (2011). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.